



MASJID SEBAGAI INSTITUSI DI BAWAH HAK SULTAN

S.S. DATO WAN ZAHIDI BIN WAN TEH



PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

Cetakan Kedua 2008

ISBN 983-42855-2-3

Hak cipta terpelihara. Dibenarkan mencetak semula hanya dengan tujuan edaran percuma (bukan komersial) dengan syarat tidak mengubah teks asal dan dicatatkan “Dicetak dengan ihsan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan”.

Pengarang

Dato' Wan Zahidi bin Wan Teh

Diterbitkan oleh

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan,

Jabatan Perdana Menteri.

Kandungan

Kandungan.....	3
Kata Alu-aluan	4
Masjid Sebagai Institusi Di Bawah Hak Sultan	6
Masjid Dan Perpaduan Umat.....	10
Meraikan Hak Pemerintah Sebagai Asas Kekuatan Umat.....	14

Kata Alu-aluan



Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia-Nya, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan telah dapat menerbitkan risalah yang bertajuk "*Masjid Sebagai Institusi di bawah Hak Sultan*".

Masjid adalah merupakan institusi yang paling penting dalam menjaga kekuatan umat. Justeru kekuatan ini bergantung kepada kekuatan tauhid dalam dua pengertiannya, iaitu "*Tauhidullah*" (mengesakan Allah) dan "*Tauhidulummah*" (menyatupadukan ummah). Sejarah awal Islam memperlihatkan kepada kita bagaimana Rasulullah SAW berjaya membina kedua-dua kekuatan ini melalui masjid. Oleh itu, masjid perlu terus berfungsi sebagai tempat untuk membina kekuatan akidah dan mengukuhkan perpaduan umat.

Semoga penjelasan dan huraian di dalam risalah ini dapat memberi kefahaman dan manfaat. Saya juga ingin menyarankan kepada semua masyarakat Islam supaya dapat membantu dan memberi kerjasama dalam memperkukuhkan institusi masjid. Mudah-mudahan cita-cita kita untuk melihat keunggulan institusi masjid sebagai tempat untuk membina kekuatan akidah dan mengukuhkan perpaduan umat termakbul dan menepati firman Allah SWT yang bermaksud:

"Hanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta tetap mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan tidak takut kepada sesiapa pun selain daripada Allah. Maka merekalah

orang yang diharap termasuk dalam golongan orang yang mendapat petunjuk.”

(Surah at-Taubah 9:18)

Dato' Haji Wan Zahidi bin Wan Teh (DPMP)
Mufti Wilayah Persekutuan
Jabatan Perdana Menteri

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Masjid Sebagai Institusi Di Bawah Hak Sultan

Al-Imam Abu Al-Hasan 'Ali bin Muhammad bin Habib al-Mawardi (m.450H.) dalam kitabnya **al-Ahkaam al-Sultaniyyaah** merumuskan tugas pemerintah sebagai: “Menjaga kepentingan agama dan mentadbir urusan dunia” (حراسة الدين وسياسة الدنيا) Perbahasan-perbahasan yang berkaitan dengan tajuk di atas dibincangkan oleh al-Mawardi dalam bab ke-19, iaitu: “*Kuasa-kuasa Yang Berkaitan Dengan Hak Melantik Imam Sembahyang*”

Al-Mawardi membahagikan masjid kepada dua jenis, iaitu: Masjid Pemerintahan (Masjid Sultaniah), dan Masjid Awam (Masjid 'Ammah). Memperjelaskan lebih lanjut hukum-hukum yang berkaitan dengan Masjid Pemerintah, beliau menulis:

“Yang dikatakan Masjid Sultan itu ialah masjid-masjid jamek yang besar dan ramai bilangan jamaahnya yang mana pengurusannya terletak di bawah kuasa Sultan (Pemerintah). Bagi Masjid-masjid seperti ini, tidak harus menjadi imam sembahyang berjemaah di dalamnya melainkan orang yang dilantik oleh pemerintah sahaja; ini ialah supaya perkara yang menjadi hak dan tanggungjawab pemerintah ini tidak diambil alih secara sewenang-wenang oleh rakyat. Apabila terdapat imam yang dilantik oleh pemerintah dalam sesebuah masjid, maka dialah yang lebih berhak menjadi imam, walaupun terdapat orang lain yang lebih alim dan lebih tinggi martabatnya daripada imam rasmi”.

Kenyataan al-Mawardi di atas mengandung beberapa persoalan pokok berkaitan dengan topik yang dibincangkan :

1. Yang dikatakan "Masjid Sultaniah" itu ialah masjid-masjid yang pengurusannya terletak di bawah tanggungjawab pemerintah. Perkataan "Sultan" yang digunakan oleh al-Mawardi bermaksud: Pemerintah, sama ada ia dipanggil Sultan, Raja, Presiden dan siapa saja yang menjadi "*Waliyul Amri*" kepada umat Islam.
2. Orang yang dilantik oleh pemerintah sahaja yang berhak menjadi imam di masjid berkenaan. Adalah haram bagi orang lain mengambil tempat imam rasmi tanpa izinnya. Perkataan "*la yajuz*" (tidak harus) dalam istilah fiqah membawa makna haram. Hukum ini berlaku tidak kira sama ada orang lain itu lebih tinggi kedudukannya daripada imam rasmi.
3. Al-Mawardi seterusnya menyebut hikmat bagi hukum di atas, iaitu: Supaya tugas-tugas yang menjadi tanggungjawab pemerintah tidak diambil alih secara sewenang-wenang oleh rakyat. Perbuatan "*al-iftiyat*" atau pencerobohan terhadap perkara-perkara yang menjadi hak pemerintahan sangat dilarang dalam Islam. Kerana ia boleh meluputkan maksud daripada kewujudan pemerintah, seperti yang dinyatakan oleh Abu Abdullah dalam kitab "*Tahzib al-Riyasah*".."Teraturnya urusan agama dan dunia adalah sesuatu yang dituntut, dan ia tidak akan berlaku tanpa kewujudan pemerintah. Kalaulah tidak kerana wujudnya pemerintah, nescaya keadaan manusia menjadi kacau bilau dan mereka akan saling bunuh membunuh antara satu sama lain". Memandangkan demikian, sebarang tindakan yang boleh memporak-perandakan umat diancam dengan hukuman yang berat dalam nas-nas syarak, seperti yang terdapat dalam Hadis-hadis berikut :-

سَتَكُونُ هُنَاكَ وَهَنَاتٌ، فَمَنْ أَرَادَ يُفَرِّقُ أَمْرَ هَذِهِ الْإِمَّةِ
وَهِيَ جَمِيعٌ فَاضْرِبُوهُ بِالسَّيْفِ كَأَنَّا مَنْ كَانَ

Maksudnya: “Akan wujud keadaan kacau bilau di kalangan umat; maka barang siapa yang ingin memecahbelahkan perpaduan umat ini, hendaklah ia dipancung dengan pedang tanpa mengira siapakah orangnya (bagi yang mengangkat senjata menentang pemerintah).”

مَا مِنْ قَوْمٍ مَشَوْا إِلَى سُلْطَانِ اللَّهِ لِيُذِلُّوهُ إِلَّا أَذَلَّهُمُ اللَّهُ
قَبْلَ يَوْمِ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: “Mana-mana kumpulan berarak menuju ke arah Sultanullah (pemerintah) untuk menghinanya, Allah akan menghinanya sebelum kiamat”

Bagi menunjukkan tinggi dan pentingnya kedudukan pemerintah di kalangan umat, hadis di atas menggelarkannya sebagai “Sultanullah”. Dalam sebuah hadis yang lain, pemerintah juga digelar sebagai “Zillullah Fil Ard” (Perlindungan Allah di bumi).

الْإِمَامُ ظِلُّ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ، مَنْ أَكْرَمَ سُلْطَانَ اللَّهِ تَبَارَكَ
وَتَعَالَى أَكْرَمَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ أَهَانَ سُلْطَانَ اللَّهِ
عَزَّ وَجَلَّ فِي الدُّنْيَا أَهَانَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: “Pemerintah adalah perlindungan Allah di muka bumi; sesiapa yang memuliakan ‘kuasa Allah’ di dunia, Allah akan muliakan dia pada hari kiamat, dan sesiapa yang menghina ‘kuasa Allah’ di dunia, Allah akan hinakan dia pada hari kiamat.”

سَيَكُونُ بَعْدِي أُمَرَاءُ فَأَدُّوا إِلَيْهِمْ طَاعَتَهُمْ، فَإِنَّ الْأَمِيرَ
مِثْلَ الْمَجْنُونِ يُتَّقَى بِهِ، فَإِنْ أَصْلَحُوا أَمْرَكُمْ فَلَكُمْ وَلَهُمْ،
وَإِنْ أَسَاءُوا فِيمَا أَمَرُواكُمْ بِهِ فَهُوَ عَلَيْهِمْ وَأَنْتُمْ مِنْهُ
بُرَاءٌ

Maksudnya: “Akan ada selepas aku pemerintah-pemerintah, maka hendaklah kamu taat kepada mereka, kerana pemerintah laksana perisai yang kamu berlindung di sebaliknya; jika mereka memerintah dengan baik, maka kamu dan mereka akan beroleh kebaikan, tetapi jika mereka memerintah dengan cara yang tidak baik, maka mereka akan menanggung akibatnya, manakala kamu terselamat daripada menanggung akibat perbuatan mereka”

(Riwayat al-Tabrani)

Masjid Dan Perpaduan Umat

Kekuatan umat Islam bergantung kepada kekuatan tauhid dalam dua pengertiannya, iaitu "Tauhidullah" (mengesakan Allah) dan "Tauhidulummah" (menyatupadukan ummah). Kedua-dua kekuatan ini perlu berfungsi secara seimbang dalam usaha membina umat yang kuat bagi membolehkan umat Islam mempertahankan diri dan melaksanakan tanggungjawab meninggikan syiar Islam di muka bumi. Pegangan tauhid yang tidak kuat akan menyebabkan umat Islam menjadi lemah; sebaliknya pula, kekuatan umat Islam akan hancur jika tidak ada perpaduan dan berlaku perpecahan di kalangan mereka, seperti yang diperingatkan oleh Allah dalam Al-Quran :

... وَلَا تَنَزَعُوا فَنَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبُرُوا...

Maksudnya: "Dan janganlah kamu bersengketa, kerana ia akan menyebabkan kamu gagal dan hilang kekuatan kamu"

(Al-Anfal: 46)

Sejarah awal Islam memperlihatkan kepada kita bagaimana Rasulullah S.A.W.. berjaya membina kedua-dua kekuatan-kekuatan ini melalui institusi masjid. Oleh yang demikian masjid perlu terus berfungsi sebagai tempat untuk membina kekuatan akidah dan mengukuhkan perpaduan umat, dan **kegiatan-kegiatan yang dilakukan di masjid hendaklah bersih daripada sebarang unsur yang boleh memecahbelahkan umat.**

Memandangkan masjid adalah merupakan institusi yang paling penting dalam menjana kekuatan umat, maka para ulama Islam memberi perhatian yang sangat berat terhadap sebarang unsur yang boleh melemahkan umat disalurkan melalui masjid, hinggalah amalan sunat pun dilarang jika boleh membawa kepada perpecahan. Dalam hubungan ini al-Mawardi menulis :

“Apabila: imam masjid ini (Masjid Pemerintah) telah selesai sembahyang berjemaah, kemudian hadir satu kumpulan yang tidak sempat berjemaah, bersama imam berkenaan, maka tidak harus bagi mereka sembahyang secara berjemaah, sebaliknya mereka hendaklah: sembahyang secara bersendirian; kerana perbuatan demikian menampakkan wujudnya perselisihan, dan boleh menimbulkan anggapan terdapatnya penentangan dan penderhakaan terhadap pemerintah oleh kumpulan berkenaan’.

Perkara yang menarik untuk diulas di sini, “illah” atau alasan yang digunakan oleh Al-Mawardi untuk melarang jemaah kedua selepas imam rasmi, iaitu: Kebimbangan wujudnya anggapan bahawa mereka adalah daripada kumpulan penentang pemerintah yang : tidak ingin berjemaah bersama imam yang dilantik oleh kerajaan. Perhatian berat serta penelitian yang sangat halus oleh para ulama salaf terhadap perkara yang boleh: membawa kepada perpecahan umat ini sebenarnya mempunyai asas dan sandaran yang kuat dalam nas-nas syarak. Antaranya sabda Nabi SAW :

مَنْ رَأَى مِنْ أَمِيرِهِ شَيْئًا يَكْرَهُهُ فَلْيَصْبِرْ، فَإِنَّهُ مَنْ فَارَقَ
الْجَمَاعَةَ شِبْرًا فَنَاتَ، مَاتَ مَيِّتَةً جَاهِلِيَّةً .

Maksudnya: “Sesiapa yang melihat sesuatu yang ia tidak suka pada pemerintahnya, maka hendaklah ia bersabar; kerana sesiapa yang mengambil langkah penentangan (mufaraqah) terhadap pemerintah walaupun sekadar sejengkal lalu ia mati, maka matinya seperti mati jahiliah”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Ibnu Abi Jumrah ketika mengulas hadis ini dalam kitabnya “Bahjat al-Nufus” menyatakan:

"Yang dimaksudkan dengan perkataan "mufaraqah" di sini ialah bahawa ia berusaha memecah ikatan setia terhadap pemerintah walaupun dengan tindakan yang paling kecil, yang digambarkan oleh Rasulullah SAW dengan ungkapan 'sekadar sejengkal'".

Mengulas hadis ini juga, al-'Aini menyebut dalam kitabnya "Umdah al-Qari".

وَفِيهِ دَلِيلٌ عَلَى أَنَّ السُّلْطَانَ لَا يَنْعَزِلُ بِالْفِسْقِ، وَلَا
تَجُوزُ مُنَازَعَتُهُ فِي السُّلْطَةِ بِإِلَّاكَ

Maksudnya: "Hadis ini merupakan dalil yang menunjukkan bahawa seseorang pemerintah itu tidak lucut jawatannya dengan perbuatan fasik dan zalim, dan tidak harus dicabar kuasanya dengan sebab perbuatan tersebut",

Menurut al-Imam al-Nawawi, ini adalah pendapat ijtimak ulama, seperti yang tersebut dalam kitab "Syarh Muslim".

أَجْمَعَ أَهْلُ السُّنَّةِ عَلَى أَنَّ السُّلْطَانَ لَا يَنْعَزِلُ بِالْفِسْقِ

Maksudnya: "Ahlul Sunnah telah ijmak mengatakan bahawa seseorang pemerintah itu tidak terpecat jawatannya dengan sebab perbuatan fasik"

Hadis ini menggunakan istilah "al-jamaah" ketika merujuk kepada golongan pemerintah. Ini adalah makna sebenar bagi perkataan "jama'ah" ketika merujuk kepada golongan pemerintah yang tersebut dalam sunnah, seperti yang ditegaskan oleh al-Imam al-Tabari :

أَنَّ الْجَمَاعَةَ جَمَاعَةُ الْمُسْلِمِينَ إِذَا اجْتَمَعُوا عَلَى أَمِيرٍ

Maksudnya: "Yang dimaksudkan dengan al-jama'ah ialah kumpulan umat Islam yang bersatu dengan pemerintah" (lihat: al-Syatibi, al-l'tisom:2/450).

Oleh yang demikian tidak harus bagi mana-mana kumpulan dalam masyarakat Islam menganggap kumpulan mereka sebagai al-jama'ah yang dimaksudkan dalam hadis-hadis yang menjelaskan hukum yang berkaitan dengan hubungan antara pemerintah dan rakyat (*al-haakim wal mahkum*). Kerana ia telah menjadi istilah khusus seperti istilah-istilah: *solah, saum, haj* dan sebagainya, yang mana dari segi bahasanya bermakna: doa, menahan diri dan menuju destinasi tertentu. Namun ia telah menjadi istilah syarak yang merujuk kepada ibadat-ibadat khusus dengan kaifiat yang tertentu. Demikian juga halnya dengan istilah al-jamaah; ia pada penggunaan bahasanya bermakna kumpulan yang terdiri daripada tiga orang ke atas. Namun ia telah menjadi istilah syarak dalam bidang *siyasah syar'iyah* yang merujuk kepada makna khusus seperti yang ditafsirkan oleh al-Imam al-Tabari di atas.

Berasaskan '*illah*' yang disebutkan oleh al-Mawardi juga, dapat kita fahami bahawa larangan mendirikan jemaah kedua bukanlah dalam semua keadaan, sebaliknya ia hanya terhad pada keadaan di mana wujudnya '*illah*' sahaja, iaitu: Sebagai suatu bentuk pernyataan tentangan terhadap kuasa pemerintah dengan cara tidak mengiktiraf imam yang dilantik olehnya. Pengertian ini bersesuaian dengan satu kaedah dalam ilmu usul al-Fiqh :

“Sesuatu hukum itu berjalan seiring dengan '*illah*-nya: ada hukum apabila ada '*illah*' dan tiada hukum apabila tiada '*illah*”

Meraikan Hak Pemerintah Sebagai Asas Kekuatan Umat

Di permulaan kitabnya "*al-Ahkaam al-Sultaniyyah*" yang membincangkan mengenai *nizam* (peraturan) kehidupan Muslim, al-Mawardi menyebut firman Allah dalam Surah An-Nisa' ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي
الْأَمْرِ مِنْكُمْ...

Maksudnya: "Wahai orang-orang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah, dan kepada mereka yang berkuasa dari kalangan kamu".

Beliau seterusnya menyebut sebuah hadis daripada Abu Hurairah:

سَيَلِيكُم بَعْدِي وُلاةٌ فَيَلِيكُم البرُّ بِبرِّهِ، وَيَلِيكُم
الْفَاجِرُ بِفُجُورِهِ، فَاسْمَعُوا لَهُمْ وَأَطِيعُوا فِي كُلِّ مَا وَفَقَ
الْحَقُّ، فَإِنْ أَحْسَنُوا فَلَكُمُ وَلَهُمْ، وَإِنْ أَسَاءُوا فَلَكُمُ
وَعَلَيْهِمْ

Maksudnya: "Kamu akan diperintah selepas aku oleh pemerintah-pemerintah, yang baik akan memerintah dengan cara yang baik, dan yang jahat memerintah dengan cara jahat, maka hendaklah kamu dengar dan taat kepada mereka pada setiap perintah yang sesuai dengan kebenaran; jika mereka

berbuat baik maka kamu dan mereka akan mendapat ganjaran yang baik, tetapi jika mereka berbuat jahat, maka kamu akan mendapat balasan yang baik, dan mereka akan menanggung akibat kejahatan yang mereka lakukan”

Kedua-dua nas yang disebut oleh al-Mawardi ini mengandung gambaran yang jelas tentang *nizam* (peraturan) kehidupan Muslim yang menjadi asas kepada tiga peringkat ketaatan yang tersusun mengikut urutan keutamaannya, yang antara satu dengan yang lain berfungsi secara bersepadu dalam kehidupan umat. Kekurangan atau kecacatan pada salah satunya akan membawa kelemahan kepada kehidupan mereka di peringkat diri perseorangan atau pun umat. Taat kepada “*Waliyyulamri*” sering dipandang remeh dan menjadi medan perbalahan di kalangan umat Islam, padahal ia diberi perhatian yang berat dalam nas-nas syarak. Ia meliputi semua perkara dan dalam semua keadaan kecuali dalam perkara maksiat sahaja. Dalam sebuah hadis Nabi SAW bersabda :-

عَلَيْكَ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ فِي عُسْرِكَ وَإِسْرِكَ وَمَذْشَطِكَ
وَمَكْرِهِكَ وَأَثَرِهِ عَلَيْكَ

Maksudnya: “Hendaklah kamu dengar dan taat kepada pemerintah dalam keadaan menyusahkan dan menyenangkan kamu; dalam keadaan kamu suka dan tidak suka, dan dalam keadaan mereka membolot kekayaan tanpa memberi kepada kamu.

(Riwayat Muslim)

Dalam sebuah hadis yang lain Rasullullah S.A.W bersabda :-

فَاسْمَعُ وَأَطِيعُ وَإِنْ ضَرَبَ ظَهْرَكَ وَأَخَذَ مَالَكَ

Maksudnya: “Maka hendaklah kamu dengar dan taat kepada pemerintah, sekalipun ia pukul belakang kamu dan mengambil harta kamu.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Ketika mengulas hadis Nabi SAW :- .

فَلَا طَاعَةَ فِي الْمَعْصِيَةِ، إِنَّمَا الطَّاعَةُ فِي الْمَعْرُوفِ

Maksudnya: “Maka tidak wajib taat dalam perkara maksiat, hanya taat itu wajib pada perkara makruf”

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Al-Imam al-Qurtubi dalam kitabnya “*al-Mufhim*” menyatakan

“Yang dimaksudkan dengan ma’ruf di sini ialah perkara yang bukan munkar dan maksiat, maka termasuk di dalamnya amalan-amalan taat yang wajib, yang sunat dan perkara yang harus pada syarak. Oleh itu jika diperintah untuk melakukan perkara harus, mentaati perintah tersebut menjadi wajib, dan tidak halal mengingkarinya”.

Hak pemerintah ini begitu penting dalam Islam, hinggakan cara dan adab menasihati mereka diterangkan secara jelas oleh Rasulullah, supaya pelaksanaan tanggungjawab ini tidak sampai menyentuh martabat, kedudukan dan hak yang perlu diraikan terhadap mereka. Dalam sebuah hadis Rasulullah bersabda :

مَنْ أَرَادَ أَنْ يَنْصَحَ لِذِي سُلْطَانٍ بِأَمْرٍ فَلَا يُبْدِ لَهُ عَلاَنِيَةً،
وَلَكِنْ لِيَأْخُذَ بِيَدِهِ فَيَخْلُوَ بِهِ، فَإِنْ قَبِلَ مِنْهُ فَذَلِكَ،
وَإِلَّا كَانَ قَدْ أَدَّى الَّذِي عَلَيْهِ

Maksudnya: “Sesiapa yang ingin memberi nasihat kepada pihak yang berkuasa mengenai sesuatu perkara, maka janganlah ia menyampaikannya secara terbuka, tetapi hendaklah nasihatnya itu disampaikan secara sulit; jika nasihatnya diterima maka ia dikira telah melaksanakan tanggungjawabnya”

(Riwayat Ahmad dan Al-Hakim)

Semoga kita diberi taufik dan hidayat oleh Allah dalam merayakan hak-hak pemerintah yang diperakui oleh Rasulullah SAW akan mendapat pembelaan di akhirat bagi mereka yang telah melaksanakannya, dan dengan itu juga kita tidak mudah menjadi alat tunggangan syaitan. Saya sudah tulisan ini dengan menyebut dua hadis yang mengandung makna apa yang disebutkan itu :

إِنَّ السَّامِعَ الْمَطِيعَ لَا حُجَّةَ عَلَيْهِ، وَإِنَّ السَّامِعَ الْعَاصِيَ لَا حُجَّةَ لَهُ

Maksudnya: “Sesungguhnya orang yang mendengar dan taat (kepada pemerintah) tiada sebarang hujah yang boleh menyalahkannya, dan orang yang mendengar tetapi melakukan penderhakaan, tiada sebarang hujah yang boleh menolongnya (di akhirat kelak)”.

(Riwayat Ahmad dan al-Tabrani)

يُدُّ اللَّهُ مَعَ الْجَمَاعَةِ، وَالشَّيْطَانُ مَعَ مَنْ خَالَفَ يَرْكُضُ

Maksudnya: “Pertolongan Allah bersama al-Jamaah (kumpulan yang bersama dengan pemerintah), dan syaitan menunggang bersama dengan golongan yang menentang pemerintah”

(Riwayat al-Tabrani)